

## 31 Kakitangan UMS Naik Pangkat

Published: Thursday, 11 June 2015 17:10 | [Print](#) | Hits: 1644

Tweet

Share

G+ Share

0



**KHAMIS, 11 JUN** – Seramai 31 kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) diraikan pada Majlis Meraikan dan Penyerahan Surat Tawaran Kenaikan Pangkat di Cafe D'Sireh, Bangunan Canselori UMS, hari ini.

Jumlah tersebut merangkumi satu penerima bagi jawatan Profesor Gred Khas B VK6, 10 jawatan Profesor Madya DS54 dan masing-masing dua penerima untuk setiap jawatan Timbalan Pendaftar N48, Timbalan Ketua Pegawai Sains C48, Penolong Pendaftar Kanan N44, Pegawai Sains Kanan C44, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44 dan Penolong Bendahari Kanan W44.

Turut dicatatkan satu penerima jawatan bagi Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan S44, Pegawai Psikologi Kanan S44, Pustakawan Kanan S44 dan Pegawai Penerbitan Kanan N44 selain empat penerima untuk jawatan Setiausaha Pejabat Kanan gred N32.

Surat tawaran disampaikan Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Terdahulu, Datuk Harun dalam ucapannya berkata, pihak pengurusan universiti sentiasa memastikan proses kenaikan pangkat yang dilaksanakan sentiasa telus dan saksama.

“Saya berharap agar kenaikan pangkat yang diperolehi pada hari ini dijadikan sebagai batu loncatan untuk terus berusaha gigih untuk kemajuan kerjaya di masa hadapan seterusnya untuk kecemerlangan Universiti,” katanya.

Beliau turut berpesan agar berita gembira itu perlu dikongsi bersama keluarga masing-masing.

“Luangkanlah masa untuk bersama keluarga sempena kenaikan ini kerana mereka juga tunjang disebalik kejayaan yang dikecapi,” ujarinya sambil menyarankan mereka membawa keluarga keluar makan di tempat yang luar daripada kebiasaan.

Hadir sama, Pemangku Pendaftar UMS, No'man Datuk Haji Ahmad. –SS

Bahagian Media dan Citra

Foto: Ernest Berinus